



**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP**  
**PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE**  
**ORGANIZATION (ACO)**

**PROGRAM KEUSAHAWANAN  
TELEKOMUNIKASI KOPERASI KARIAH  
MASJID**

**&**

**MAJLIS MENANDATANGANI  
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN  
(MOU) KONSORMAS DAN BE ONE  
NETWORK SDN BHD**

# **WISMA UNGKU A.AZIZ**

---

# **27 MAC 2024 (RABU) / 1.00 PETANG**

---

Bismillahirahmanirahim

Assalamualaikum                  Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Ramadan Al-  
Mubarak

# {SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA PROGRAM}

---

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dirafakkan ke hadrat ALLAH S.W.T. yang telah menganugerahi kita bulan Ramadan Al Mubarak, bulan yang awalnya rahmat, pertengahannya keampunan dan

akhirnya kelepasan daripada api neraka. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga serta para sahabat Baginda yang mulia.

2. Setinggi ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada Dato, Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan para hadirin kerana sudi hadir bagi

menjayakan Program Keusahawanan Telekomunikasi Koperasi Kariah Masjid dan Majlis Menandatangan Memorandum Persefahaman di antara KONSORMAS dan Be One Network Sdn Bhd pada hari ini.

## **Hadirin yang Dihormati Sekalian**

3. Sebagai badan puncak gerakan negara yang diiktiraf oleh Kerajaan, ANGKASA sentiasa komited membawa isu-isu yang diperjuangkan oleh warga koperasi untuk diambil perhatian serta tindakan oleh pihak Kerajaan. Alhamdulillah hubungan serta ukhwah dengan kerajaan mahupun Kementerian Pembagunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

khususnya amat baik. Apa yang penting, segala usaha ANGKASA dalam pembangunan koperasi dalam setiap segmen disokong penuh oleh Kementerian dan juga agensinya.

4. Sebagai contoh, tahun lalu, dua perkara penting telah dilancarkan oleh YB Menteri KUSKOP, Datuk Ewon Benedick dalam usaha memberi

anjakan baharu bagi meingkatkan prestasi gerakan koperasi supaya menjadi menjadi lebih efisien, inovatif, dan dapat bersaing dalam era ekonomi digital yang semakin berkembang.

5. Pertama, Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2023 yang dilancarkan bagi menetapkan hala tuju strategik melalui

pewujudan ekosistem dinamik bagi meningkatkan penyertaan masyarakat dan warga koperasi dalam keusahawanan koperasi. Dengan teras dan strategik yang telah ditetapkan dalam Dasar ini, Kerajaan telah menetapkan pencapaian perolehan sebanyak RM60 Bilion pada tahun 2025 dan RM73 Bilion pada tahun 2030. Dengan perkembangan

dan situasi terkini Gerakan koperasi, saya pebuuh yakin kita semua mampu untuk mencukupi sasaran tersebut.

6. Kedua, Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP) 2030 yang memberi fokus kepada membawa koperasi ke era baharu dalam penggunaan teknologi digital. Pelan yang diusahakan oleh ANGKASA, SKM, dan

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) ini melihat kepada isu, cabaran dan peluang gerakan koperasi dalam transformasi dan peralihan digital.

7. ANGKASA berpandangan digitalisasi seharusnya menjadi antara komitmen terpenting dalam pembangunan perniagaan koperasi di mana menurut Jabatan Perangkaan

Malaysia, perniagaan berasaskan digital disumbangkan sebanyak RM291.7 Bilion bagi suku pertama 2023. Majoriti disumbangkan oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan.

8. Jumlah perolehan ini penting untuk kita ambil sebagai pemangkin kepada kemajuan gerakan koperasi kerana sektor perkhidmatan dipelopori

oleh sebahagian besar koperasi di negara ini.

## **Hadirin yang Dihormati Sekalian**

9. Bagi meneruskan kesinambungan DigiKOP ANGKASA menerusi Seksyen Koperasi Kariah Masjid ANGKASA menganjurkan Program Rakan Niaga Telekomunikasi Koperasi Kariah Masjid

pada hari ini bertujuan untuk mempromosi KONSORMAS sebagai rakan kerjasama BeONE Network Sdn Bhd kepada Koperasi Kariah Masjid serta melantik koperasi sebagai rakan niaga di bawah KONSORMAS.

10. Saya difahamkan, program ini juga bertujuan memberikan pendedahan kepada ahli koperasi

memahami aspek perniagaan dalam bidang telekomunikasi sebagai cabang perniagaan koperasi bagi mempelbagaikan aktiviti perniagaan dan meningkatkan perolehan koperasi.

11. Seperti kita sedia maklum, Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia Berhad (KONSORMAS)

adalah gabungan Koperasi Kariah Masjid seluruh Malaysia. Keanggotaannya terbuka kepada Koperasi Kariah Masjid/ Surau seluruh Negara. Jumlah terkini keanggotaan **KONSORTIUM adalah sebanyak 68 buah koperasi Kariah Masjid**, dan diharap dengan berjalannya beberapa aktiviti KONSORMAS akan dapat meningkatkan lagi jumlah

keahlian KONSORMAS di masa akan datang.

12. Berdasarkan statistik SKM, sehingga Jun 2023 sebanyak **548 buah koperasi kariah masjid telah berdaftar dengan keanggotaan seramai 43,371 orang, syer/yuran berjumlah RM14.38 juta, aset berjumlah RM33.48 juta,**

**menyumbang perolehan sebanyak RM17.68 juta.**

13. Sehubungan itu diharap dengan adanya Konsortium Koperasi masjid ini, ia diharap dapat meningkatkan lagi jumlah perolehan koperasi yang sedia ada melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang pada masa akan datang.

14. Antara Objektif Penubuhan Konsortium Koperasi Kariah Masjid adalah untuk menggabungkan KKM menerusi program-program pembangunan koperasi dari segi ekonomi, sosial dan budaya.

## **Hadirin yang Dihormati Sekalian**

15. Promosi penubuhan Koperasi Kariah Masjid giat dijalankan di seluruh negara serta diperingkat antarabangsa. Terbaru, menerusi perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) ANGKASA dan National Commission on Muslim Filipinos kerjasama meningkatkan ekonomi umat Islam di sana menerusi koperasi. Usaha – usaha ini bakal

membuka peluang luas dagangan bilateral antara negara.

16. Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Koperasi Kariah Masjid bersedia dengan produk masing – masing kerana apabila lebih banyak KKM ditubuhkan di luar negara, ANGKASA akan lebih agresif dalam usahanya

mempromosikan produk KKM mengikut segmen pasaran yang sesuai.

17. Ia juga selaras dengan Pelan Transformasi ANGKASA yang mana memberi fokus kepada projek perniagaan yang dapat membantu koperasi di negeri lebih berdaya saing dalam pasaran terbuka. Usaha ini

penting kerana ANGKASA ingin melihat koperasi termasuklah koperasi sekolah mampu untuk terlibat dalam perusahaan besar yang selama ini dipelopori oleh pihak swasta.

## **Hadirin yang Dihormati Sekalian**

18. Pada hari ini juga, kita akan menyaksikan majlis menandatangani

Memorandum Persefahaman (MoU) diantara KONSORMAS dengan Be One Network Sdn Bhd. Menerusi MoU ini, saya difahamakan KONSORMAS dan BeONE Network Sdn Bhd telah bersetuju untuk bekerjasama dan melantik KONSORMAS sebagai rakan kerjasama BeONE melalui Program Keusahawanan Telekomunikasi BeONE Prepaid.

19. Dengan termeterainya MoU diantara KONSORMAS dan BeONE ini saya berharap koperasi dapat merebut peluang untuk menjana pendapatan yang berterusan sebagai rakan niaga di bawah KONSORMAS. Ini adalah antara perniagaan yang mudah untuk dilaksanakan, dimana koperasi menerima komisen bagi setiap pembelian kad tambah nilai

(topup), walau dimana sahaja. Selagi mereka menggunakan simkad itu, selagi itulah koperasi akan mendapat komisen.

20. Semoga usaha kita untuk menaik taraf sosioekonomi anggota KKM dan masyarakat setempatnya menerusi Program Keusahawanan Telekomunikasi Koperasi Kariah Masjid

dan ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih. Wassalam  
Wabillahi taufik walhidayah,  
Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh. Terima kasih.